

Headline	Jual aiskrim lagi tenang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	19	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	534 cm ²
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 20,956
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,868



Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
am@hmetro.com.my

Jelebu

Ketika mula berniaga, ada perasaan malu untuk memanggil pelanggan namun lama-kelamaan ia menjadi biasa," kata peniaga ais krim di Pasar Tani Kuala Klawang di sini, Mohd Affendi Mohd Ghazali.

Mohd Affendi, 53, yang memiliki Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Southern Queensland, Australia berkata, biarpun memiliki tahap pendidikan tinggi, ia bukan halangan untuknya berniaga kecil-kecilan di pasar tani.

Katanya, dia pernah bertugas sebagai pengurus kanan di sebuah kilang elektronik di Taman Tuanku Ja'afar (TTJ), Seremban pada 1995 sebelum berhenti kerja pada 2015.

"Mengikut perancangan awal, saya berharas berhenti pada 2012 pada usia 45 tahun namun majikan meminta menangguh seketika hingga jabatan pengeluaran kilang yang mempunyai masalah itu berjaya dipulihkan.



MOHD Affendi menjual ais krim di Pasar Tani Kuala Klawang.

Jual aiskrim lagi tenang

Bekas pengurus kanan kilang ada ijazah Australia berniaga kecil-kecilan di pasar tani

"Disebabkan majikan pernah menaja pengajian peringkat sarjana muda, saya perlu membalsas budi sebelum meletakkan jawatan pada 2015 selepas jabatan pengeluaran berjaya dipulih," katanya.

Menurutnya, selepas berhenti dia bantu kerana memikirkan apa perlu dibuat sebelum mencuba bidang

perniagaan makanan.

Katanya, pada mulanya dia berniaga keropok lekor di pasar malam sekitar Seremban dan Rembau sebelum beralih menjual ais krim pada 2016.

"Saya akui gaji sebagai pengurus kanan memang lumayan, tetapi saya lebih tenang berniaga kecil-kecilan berbanding makan gaji yang

terikat dengan peraturan dan disiplin.

"Sebelum terbabit dalam perniagaan ini, saya membuat kajian dan dibantu ramai membeli kelengkapannya dengan modal RM3,300 dan kini memiliki produk ais krim, N9 PonPon," katanya.

Menurutnya, isterinya, Nazriah Abdullah, 53, sentiasa memberi sokongan se-

baik menyuarakan hasrat untuk berhenti kerja kerana mahu berniaga sendiri.

Katanya, jika ada kelapanan, isteri serta tiga anak perempuan turut membantunya berniaga dan gembira kerana mereka tidak malu menjual ais krim.

"Biarpun perniagaan ais krim tidak memberi keuntungan besar, saya gembira

kerana usaha memajukan jenama ais krim buatan sendiri semakin membawa hasil.

"Walaupun sebelum ini saya pernah menerima pelbagai tawaran kerja lain, saya sudah seronok berniaga sendiri apatah turut menerima tempahan di majlis kenduri dan keraian lain," katanya.



Saya lebih tenang berniaga kecil-kecilan berbanding makan gaji yang terikat dengan peraturan dan disiplin"

Mohd Affendi Mohd Ghazali